

SITI Norfatihah bersama adiknya menikmati nasi berkuahkan sup bawang.



SITI Norfatihah (kanan) bersama keluarga serta moyangnya di rumah mereka di Kampung Belakang Stadium.



Tukang cuci 7A

Noorazura Abdul Rahman
news@nstp.com.my

■ Pelajar cemerlang SPM galas tanggungjawab cari nafkah sara keluarga

Alor Setar

Ketika remaja lain bergembira menunggu tawaran menyambung pelajaran ke menara gading selepas memperoleh keputusan cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), seorang gadis di sini, terpaksa menggalas tanggungjawab sebagai ketua keluarga.

Siti Norfatihah Norshahrin, 18, dari Kampung Belakang Stadium, di sini perlu bekerja sebagai tukang cuci di sebuah sekolah berhampiran rumahnya demi memastikan kelangsungan hidup mereka sekeluarga.

Katanya, dia tidak mempunyai pilihan lain kerana bapanya, Norshahrin Halim, 45, tidak mampu bekerja akibat masalah saraf dan tulang selepas kemalangan lima tahun lalu.

"Saya memperoleh keputusan SPM 7A, 1B+, 1C dan 1D, jika layak saya merancang menyambung pelajaran ke Universiti Utara Malaysia (UUM), jadi saya perlu mencari duit sebagai perediaan ke universiti serta menyara keluarga.

"Bapa saya tidak mampu bekerja lagi, ibu saya pula, Sarah Bee Bee M S M Ibrahim, 57, hanya suri rumah dan perlu menjaga moyang saya yang terlantar akibat sakit tua," kata anak kedua daripada empat beradik itu.

Siti Norfatihah berkata, kakak sulungnya kini berada di tingkatan enam atas turut bekerja di gerai makan ketika cuti sekolah untuk

membantu keluarga.

Katanya, menjadi kebiasaan dia dan adik-beradik hanya menjamah nasi berkuahkan sup bawang dan garam, malah ibu bapanya pernah bergilir-gilir berpua-sa bagi memastikan mereka adik-beradik dapat makan.

"Ibu dan ayah saya sudah biasa ikat perut apabila bekalan beras semakin kurang. Asalkan dapat makan untuk hidup sudah memadai, yang penting kami dapat ke sekolah setiap hari.

"Orang tua saya sangat mementingkan ilmu, mereka akan pastikan kami adik-ber-

adik ke sekolah setiap hari walaupun tiada wang saku," katanya yang bercita-cita menjadi akauntan.

Sementara itu, Norshahrin yang pernah bekerja sebagai pengawal keselamatan di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor selama 22 tahun hilang mata pencarian apabila dia hanya mampu berdiri tidak lebih daripada setengah jam akibat masalah saraf.

Katanya, dia pernah bekerja semula selepas kemalangan, namun dinasihatkan berhenti kerana kerap mengambil cuti sakit.

"Pada Oktober 2016, saya bersara dan mengambil keputusan pulang ke sini selepas itu... kami hanya mengharap bantuan orang ramai termasuk guru sekolah anak saya untuk kelangsungan hidup.

"Kemudian pada Oktober tahun lalu, nenek saya, Rofeah Endut, 95, mendapat bantuan kewangan RM300 daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) manakala saya RM200 sebulan. Wang itu hanya cukup untuk membeli barang keperluan termasuk lampin pakai buang nenek saya," katanya.

Bantu sambung belajar ke universiti

Kuala Lumpur: Kesukaran belajar pintar Siti Norfatihah Norshahrin, 18, mencari sumber kewangan membantu keluarga 'menjantik' keprihatinan Biro Kebajikan UMNO Malaysia (BiKUM) untuk tampil memberikan bantuan.

Apa tidaknya, gadis yang mendapat 7A dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2017 itu rela menjadi tukang cuci di sekolah berhampiran rumah dengan niat membantu keluarga.

Bagaimanapun, nasib gadis dan keluarganya dari Alor Setar, Kedah itu, mendapat perhatian Pengerusi BiKUM, Datuk Dr Shamsul Anuar Nasarah.

Dr Shamsul Anuar terpengkil membantu selepas membaca kisah Norfatihah di akhbar, semalam.

"Kami simpati atas nasib malang yang menimpa Norfatihah

dan keluarganya. Saya dan BiKUM mengambil inisiatif untuk membantu merealisasikan impiannya menyambung pelajaran ke peringkat universiti.

"Difahamkan, Norfatihah berhasrat menyambung pengajian ke Universiti Utara Malaysia (UUM) dan kami mencari dana untuk membolehkannya ke universiti nanti," katanya.

Dr Shamsul Anuar berkata, mengenai ibu dan bapa Norfatihah yang masing-masing tidak bekerja, pihaknya akan memberi bantuan kewangan setiap bulan selama setahun.



Saya dan BiKUM ambil inisiatif membantu merealisasikan impiannya Dr Shamsul Anuar